

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 4 OGOS 2020

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan tahunan, elaun mesyuarat dan kemudahan yang diterima termasuklah kepada semua duta-duta bertaraf Menteri bagi setiap perjawatan yang dilantik di bawah kuasa Perdana Menteri. Mohon Perdana Menteri nyatakan adakah Kerajaan Pakatan Nasional akan melaksanakan Pengisytiharan Harta di kalangan Jemaah Menteri kerajaan sekarang.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perdana Menteri melantik beberapa Duta Khas bagi menasihati dan membantu Perdana Menteri dalam sesuatu perkara berkaitan pentadbiran Kerajaan.
2. Duta-duta Khas kepada Perdana Menteri diberi saraan bersesuaian dengan kelayakan, tugas dan tanggungjawab yang dipikul. Duta Khas bertaraf Menteri tidak diberi apa-apa elaun mesyuarat.
3. Kerajaan Perikatan Nasional secara prinsipnya mewajibkan semua Ahli Kabinet untuk mengisytiharkan harta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan kawasan-kawasan di Menumbok, Sabah sehingga ke Pekan Kuala Penyu, Sabah. Tidakkah Menteri merasakan kawasan ini patut dibangunkan sebagai kawasan perindustrian berasaskan eksport dan menggunakan Pelabuhan Labuan untuk penghantaran ke pasaran di luar negara.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH
DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Ia adalah penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau "*shared prosperity*".
2. Selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia, fokus Kerajaan tertumpu kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, merentasi wilayah termasuk negeri-negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan.
3. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, termasuk negeri Sabah. Di bawah *Rolling Plan 4* (2020) RMKe-11, negeri Sabah telah pun diperuntukkan sejumlah RM5.01 bilion atau 8.9% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan. Peruntukan tersebut bagi melaksanakan sebanyak 148 projek baharu dan 616 projek sambungan melalui pelbagai kementerian. Bagi kawasan Beaufort khususnya yang mana turut meliputi Kuala Penyu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM93 juta di bawah *Rolling Plan 4* (2020) RMKe-11 untuk

pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah pelbagai kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sedar bahawa Pelabuhan Labuan mempunyai potensi untuk menjadi hub *transshipment* dan kargo dengan menawarkan kemudahan dan peralatan untuk pengendalian kontena, kargo pukal cecair dan kering serta kargo am. Pada 2018, Pelabuhan Labuan telah mencatatkan jumlah kendalian kargo sebanyak 396,319 tan, kendalian kontena sebanyak 23,940 unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) dan bilangan singgahan kapal sebanyak 615. Walau bagaimanapun, Pelabuhan Labuan (yang kini terletak di bawah bidang kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu) hanya mengendalikan aktiviti sebagai hub pemindahan komoditi berikutan pelabuhan ini mempunyai kapasiti dan ketersambungan (*connectivity*) yang terhad. Kapal-kapal kontena lebih memilih untuk berlabuh di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Tuas, Singapura bagi tujuan *transshipment*.

5. Justeru, perancangan yang teliti harus dibuat sekiranya Kerajaan berhasrat untuk membangunkan kawasan perindustrian dan menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai hub kerana ia akan melibatkan pelaburan yang besar. Ini adalah penting supaya tidak berlaku persaingan di kalangan pelabuhan tempatan dan mengelakkan kerugian pelabur. Tambahan pula, pada masa yang sama, Pelabuhan Sepanggar, Sabah juga sedang dalam proses menaik taraf kemudahan dan meningkatkan kapasiti pelabuhan untuk menambah baik kecekapan dan keupayaan operasi *transshipment*.

6. Secara amnya, usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi semua negeri diharap akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.